

Pandangan PM bayangkan ada akhbar melampaui batas

Sensitif

PANDANGAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed terhadap kebebasan akhbar baru-baru ini tidak harus dipandang ringan. Pandangan ini secara tidak langsung membayangkan beberapa akhbar hari ini sudah melampaui batasan kelonggaran yang diberikan oleh kerajaan.

Sejak mula-mula menjadi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir memang memberikan perhatian yang berat kepada perkembangan akhbar di negara ini. Dasar pemerintahan terbuka yang diamalnya, membolehkan sesiapa saja bersuara dan mengemukakan pendapat, asalkan ia tidak menjejaskan keselamatan dan keharmonian negara ini.

Ini menunjukkan bahawa Perdana Menteri benar-benar mengambil berat terhadap perkembangan akhbar sebagai media yang dapat mendidik dan menajamkan fikiran rakyat. Melalui akhbar, rakyat dapat digerakkan untuk menyahut pelbagai rancangan kerajaan untuk manfaat mereka sendiri.

Kebebasan akhbar berbeza antara sesebuah negara. Perbezaan ini tertakluk kepada pemerintahan di sesebuah negara itu. Negara kita misalnya, mempunyai kebebasan akhbar yang berbeza dengan England, walaupun mengamalkan pemerintahan Parlimen berpelembagaan. Demikian juga

Walaupun kebebasan akhbar di negara kita tidak boleh disamakan dengan Barat tetapi ia masih terjamin berbanding negara-negara lain di sebelah sini. Tidak ada campur tangan secara langsung daripada kerajaan seperti yang berlaku di beberapa negara sebelah sini.

Sesungguhnya kebebasan akhbar bukanlah bermakna hak untuk sesebuah akhbar menyiarkan apa saja yang disukainya. Wartawan mempunyai etika-etika profesionalismenya dan begitu juga dengan akhbar yang mempunyai pendiriannya yang tertentu. Jadi kebebasan akhbar di sini membawa maksud kebebasan yang diikuti dengan tanggungjawab.

Setiap akhbar mestilah bertanggungjawab ke atas berita, rencana, gambar dan apa-apa saja bahan yang disiarkan. Akhbar boleh mengkritik kerajaan dengan syarat ia bertanggungjawab di atas kritiknya dan bukan sekadar melempar batu menyembunyi tangan. Tuduhan yang melulu tanpa bukti yang konkrit boleh meninggalkan kesan yang buruk.

Seperti yang diketahui ada lima tanggungjawab sosial akhbar iaitu menyampaikan maklumat, mendidik, menghibur, mempertahankan kepentingan

dengan negara-negara lain seperti Singapura, Filipina, Thailand dan Brunei yang serumpun dengan kita.

Di Malaysia, kebebasan akhbar dikawal oleh beberapa undang-undang yang diwujudkan bagi memastikan keselamatan dan

BH 6 APR 19

keharmonian negara terjamin. Rakyat negara ini boleh menyampaikan pendapat dan fikiran mereka, asalkan ia tidak menjejaskan keselamatan negara dan keharmonian masyarakat yang berbilang bangsa.

Kewujudan undang-undang yang menghadkan kebebasan akhbar adalah perlu dalam masyarakat yang berbilang bangsa. Dengan adanya undang-undang ini, perkara-perkara sensitif yang boleh menjejaskan hubungan baik antara kaum, dapat dihindarkan. Kita tidak mahu bangsa-bangsa di negara ini bercakaran sesama sendiri hanya disebabkan oleh pemaparan berita-berita yang sensitif.

Seringkali kita mendengar rungutan bahawa akhbar di negara ini tidak sebebaskan di negara-negara Barat. Soalnya, apakah ada mana-mana negara dalam dunia ini yang mempunyai kebebasan mutlak? Sebenarnya tidak ada negara yang mengamalkan kebebasan akhbar secara mutlak. Amerika Syarikat misalnya, walaupun sering dijadikan contoh mengenai kebebasan akhbar, tetapi masih wujud kawalan secara tidak langsung. Lagipun masyarakat di Barat arif mengenai undang-undang dan hak mereka. Pemaparan apa-apa berita mestilah tidak terkeluar daripada landasan undang-undang, kalau tidak akhbar itu tidak akan hidup lama.

masyarakat dan menjadi mata dan telinga masyarakat.

Tugas sebuah akhbar tidak lengkap sekiranya salah satu daripada tanggungjawab sosial ini tidak dipenuhi. Bagaimanapun, tanggungjawab ini mestilah dipenuhi dengan mengutamakan manfaatnya kepada masyarakat dan negara. Tidak ada faedahnya jika tanggungjawab mendidik disalahgunakan untuk melahirkan masyarakat yang pincang dan tanggungjawab menghibur melahirkan pemuda-pemudi yang runtuh akhlaknya.

Setiap akhbar menghadapi persaingan antara tanggungjawab sosial dengan kepentingan komersil. Tanggungjawab sosial penting untuk menarik minat pembaca manakala kepentingan komersil pula dapat menjamin pendek atau panjangnya usia akhbar itu.

Tindakan setengah akhbar di negara ini mengutamakan kepentingan komersil tanpa mengambilkira tanggungjawabnya kepada pembaca menunjukkan ketiadaan pendirian akhbar itu. Ini juga menunjukkan akhbar seperti itu mementingkan diri sendiri, tanpa memikirkan kepentingan negara dan rakyat.

Untuk meningkatkan pengedaran sebuah akhbar bukanlah susah jika tanggungjawab sosial diketepikan. Berita-berita sensasi dan seks, disertakan dengan gambar-gambar yang mengiurkan pasti akan menarik minat pembaca, terutama sekali anak-anak muda. Tapi apakah faedahnya?

Penumpuan kepada berita-berita sensasi yang keterlaluan ini mencurigakan banyak pihak. Ibu bapa merasa resah apabila anak-anak remaja mereka didedahkan dengan berita-berita yang tidak sesuai dengan usia mereka. Perdana Menteri sendiri pernah menegur sikap setengah akhbar yang menggunakan seks dan skandal semata-

mata untuk mendapatkan pembaca akhbar yang ramai.

Teguran ini ada asasnya. Kebanyakan akhbar yang baru muncul (termasuk majalah-majalah) memberikan tumpuan kepada berita-berita berbentuk sensasi seperti seks, jenayah, misteri dan hantu. Berita-berita ini boleh digolongkan kepada berita bercorak menghibur serta menarik perhatian dan minat pembaca, tetapi manfaatnya kurang.

Menurut *W G Bleyer* dalam *Journalism Quarterly*, akhbar *Neue Zeitung* adalah akhbar yang mula-mula di kesan mempunyai bahan-bahan berita bercorak sensasi pada tahun 1927. Berita sensasi atau *sensational news* membawa erti berita-be-

rita yang dapat menaikkan perasaan, mewujudkan *suspence* dan membuatkan perasaan yang tidak puas.

Glyn dan Tim dalam kajiannya bertajuk *Sensasi Dalam Isu-Isu Sains: Satu Kajian Kes*, mengemukakan beberapa ciri yang boleh digolongkan dalam berita-berita sensasi, iaitu:

- Perbincangan fakta seara berlebihan
- Memberikan penekanan kepada perkara-per-kara yang unik
- Penilaian sendiri yang berat sebelah.
- Mengaitkan kandungan berita atau cerita dengan isu-isu yang tidak munasabah
- Menceritakan sesuatu dengan cara yang tidak bersungguh-sungguh.

Terbukti

Jika dinilai, berita-berita seperti ini tidak banyak mendatangkan faedah dan manfaat dalam usaha menambahkan pengetahuan dan mendidik pembaca. Ia cuma menyentuh perasaan dan citarasa pembaca

yang kesannya lebih banyak buruk daripada baik.

Satu kajian oleh seorang pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) mendapati, berita-berita bercorak sensasi disiarkan lebih 40 peratus dalam dua buah akhbar mingguan. Akhbar-akhbar ini banyak bergantung kepada berita jenis ini untuk melariskan penjualannya.

Satu perkara lagi yang dibimbangkan ialah penipuan dalam pemberitaan. Janet Cook dari Washington Post yang memenangi Pulitzer Prize terpaksa memulangkan hadiah itu selepas terbukti cerita eksklusifnya tidak benar.

Gejala ini boleh berlaku di negara ini kerana setiap pemberita begitu ghairah mencari berita eksklusif. Dan kadangkala kerana terlalu mementingkan unsur-unsur sensasi, fakta sebenar diputar belit sehingga menimbulkan gambaran yang bertentangan.

Perdana Menteri juga pernah menegur wartawan-wartawan yang bekerja dengan agensi berita asing supaya berhati-hati dalam melaporkan berita-berita mengenai negara ini. Teguran ini diluahkan setelah banyaknya berita-berita yang tidak tepat mengenai Malaysia disiarkan oleh media asing.

Kini sekali lagi Perdana Menteri menegur penerbit-penerbit akhbar supaya lebih berhati-hati dalam pemilihan dan penilaian berita sebelum disiarkan kepada umum.

Tidak sukar untuk kita mengenali akhbar-akhbar yang dimaksudkan oleh Perdana Menteri. Kepada akhbar-akhbar ini, sesuatu langkah perlu dibuat agar dasar liberal kerajaan terhadap kebebasan akhbar di negara ini terpelihara.